

PENGAEDAHAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN HAFAZAN AL-QURAN DI SARAWAK: ANALISIS LITERATUR UTAMA

THE METHODOLOGY IN TEACHING AND LEARNING QURANIC MEMORIZATION IN SARAWAK: PRIMARY LITERATURE ANALYSIS

Syed Abdul Aziz bin Wan Yusuf ¹
Hadenan bin Towpek ²
Mohamad Bazli bin Md Radzi ³
Mohamad Firdaus bin Mohamad Sabari ⁴

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia,
(E-mail: 2018808352@isiswa.uitm.edu.my)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia,
(E-mail: hadenan298@uitm.edu.my)

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia,
(E-mail: mdbazli@uitm.edu.my)

⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia,
(E-mail: firdaussabari@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 1-3-2024
Revised date : 2-3-2024
Accepted date : 2-4-2024
Published date : 15-4-2024

To cite this document:

Wan Yusuf, S. A. A., Towpek, H., Md Radzi, M. B.,
& Mohamad Sabari, M. F. (2024). Pengkaedahan
dalam pengajaran dan pembelajaran hafazan al-
quran di Sarawak: Analisis literatur utama. *Journal
of Islamic, Social, Economics and Development
(JISED)*, 9 (61), 570 – 595.

Abstrak: *Al-Quran merupakan sumber pembangunan modal insan yang tidak dapat dinafikan, bahkan para ibu bapa Muslim berlumba-lumba menghantar anak-anak mereka untuk menekuni ilmu-ilmu al-Quran. Oleh itu, artikel cuba mengetegahkan perbincangan dan analisis berkaitan pengkaedahan pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran di Sarawak berdasarkan analisis sumber literatur utama. Dimensi analisis sumber asas literatur dalam artikel ini boleh dibahagikan kepada empat aspek, iaitu aspek hafazan al-Quran; aspek sejarah dan perkembangan institusi hafazan al-Quran di Sarawak; aspek pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran; dan aspek pengkaedahan dalam pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran.*

Kata kunci: *Pengkaedahan PdP, Sejarah dan Perkembangan Institusi Tahfiz Sarawak, Hafazan al-Quran*

Abstract: *The Quran serves as an undeniable source of human capital development, prompting Muslim parents to enthusiastically send their children to pursue Quranic studies. Therefore, this article attempts to highlight the discussion and analysis regarding the framework of teaching and learning Quranic memorization in Sarawak based on an analysis of primary literature sources. The analysis dimensions of the foundational literature in this article can be categorized into four aspects: the aspect of Quranic memorization; the aspect of the history*

and development of Quranic memorization institutions in Sarawak; the aspect of teaching and learning Quranic memorization; and the aspect of framework in teaching and learning Quranic memorization.

Keywords: *Pedagogy T&L, History and Development of Tahfiz Institutions in Sarawak, Quranic Memorization*

Pengenalan

Hafazan al-Quran merupakan salah satu proses pendidikan awal yang diterima seseorang individu muslim sebelum meneruskan pengajian agama yang lebih tinggi bagi melahirkan golongan agamawan dan golongan profesional. Ia menjadi teras pendidikan terutamanya di negara-negara Arab secara umum. Dalam konteks ini, hafazan al-Quran merupakan induk selain daripada penguasaan bahasa Arab yang mantap sebelum penerokaan ilmu-ilmu Islam dalam pelbagai jurusan. Lantaran itu, Azri Bhari (2022) menjelaskan bahawa penurunan al-Quran bukan hanya dibaca, tetapi lebih penting lagi adalah untuk memperolehi petunjuk dan bimbingan dalam kefahaman, penghayatan dan pengamalan sepanjang zaman. Bahkan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim (2024) mengungkapkan peri pentingnya untuk meneliti dan menekuni kandungan al-Quran dengan ibarat bagai menggenggam cahaya obor yang menyoroti kejadian dan menerangi jalan ke hadapan.

Menurut Mohd Akram (2017), penerimaan ilmu Islam adalah bersumberkan dari para ulama yang unggul dalam jurusan mereka yang pelbagai dalam memahami mesej-mesej dan simbolik-simbolik yang terangkum dalam sumber agama iaitu al-Quran sebagai tunjang dan al-Sunnah sebagai pengukuh, penjelas *kalamullah* secara semaksima mungkin mengikut apa yang dikehendaki Allah SWT dan Rasulullah SAW. Dalam hal ini, Saadan Man (t.th) turut menjelaskan bahawa kefahaman dari dua tunjang agama ini adalah bertujuan untuk memandu dan memimpin manusia dalam menghadapi persoalan kehidupan dari sudut hubungan dengan Allah dan hubungan dengan selain-Nya terutamanya manusia.

Manakala Solahuddin Ismail (2016) pula menjelaskan bahawa sehingga kini, perkembangan pengajian dan institusi tahfiz di Malaysia amat memberangsangkan. Kesedaran masyarakat Islam Malaysia umumnya tentang perlunya mendekati diri dengan al-Quran semakin menebal dan mendapat perhatian. Natijahnya, terdapat banyak pusat pengajian dan institusi tahfiz telah wujud dan menawarkan program pengajian tahfiz al-Quran dalam pelbagai bentuk dan kaedah. Matlamatnya adalah satu iaitu untuk membuka ruang dan peluang kepada masyarakat yang berminat untuk menghafaz dan mengingati ayat-ayat suci al-Quran.

Solahuddin Ismail (2016) menjelaskan juga bahawa atas kesedaran betapa Islam itu penting untuk pembangunan insan manusia telah menyebabkan ramai ibu bapa yang mahu anak-anak mereka dididik dengan norma-norma Islam. Dengan itu, banyak institusi pengajian Islam yang menawarkan pakej pengajian Islam termasuklah institusi tahfiz.

Sehubungan itu, artikel ini cuba menyelidik dan memerihalkan secara khusus pengkaedahan pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran di Sarawak berdasarkan analisis literatur utama.

Latar Belakang Kajian

Pembangunan sumber manusia merupakan suatu perkara yang signifikan dalam pembangunan sesebuah negara termasuklah di Malaysia. Dalam hal ini, terdapat beberapa penyelidik yang membahaskan pembangunan sumber manusia dari perspektif Islam. Umpamanya, Siti Arni Basir (2004) menyatakan bahawa Islam menerangkan pembangunan manusia adalah melalui memperkasakan sahsiah diri seseorang muslim sekali gus mendorongnya untuk menyampaikan apa-apa juga perkhidmatan kepada masyarakat. Bahkan kepentingan pembangunan yang bersifat komprehensif dan kolektif seiring dalam kelompok komuniti sebagaimana dituntut dan dianjurkan dalam agama Islam sebagai cara hidup berterusan dan beriltizam.

Sementara Mohd Fauzi Hamad dan Mohd Khairul Naim Che Nordin (2012) pula menggunakan gagasan pembangunan modal insan sebagai korpus perbincangan yang signifikan sebagai suatu arah perkembangan memperkasakan bidang ekonomi dan pentadbiran sesebuah negara yang pesat membangun. Penekanan kepada pembangunan sumber manusia mahupun pembangunan modal insan, tidak dapat lari malah masih berakar tunjang, berpaut kukuh, dan mengambil petunjuk dan pedoman daripada al-Quran al-Karim sebagai rujukan paling penting dan utama bagi kehidupan muslim, dan juga bidang pembangunan; bahkan mencakupi juga keseluruhan aspek kehidupan yang sangat memerlukan mukjizat al-Quran ini.

Menurut Muhammad Zulazizi *et. al* (2021), yang memfokuskan kajian pada tajuk: “Sistem pendidikan tahfiz di Malaysia, pilihan ibu bapa dan warisan pendidikan Islam Andalus”, menyentuh berkaitan pembangunan sumber manusia dan modal insan yang menjurus dalam pendidikan al-Quran secara lebih khusus dalam konteks tahfiz al-Quran. Pemerkasaan amat perlu dilakukan dalam segenap aspek dalam bidang ini; umpamanya sudut pengurusan, urus tadbir, kualiti pengajaran dan lain-lain lagi. Dengan adanya usaha pengukuhan ini akan menatijahkan generasi *huffa>z}* yang lebih berperanan dalam ketamadunan manusia secara khususnya di Malaysia.

Bagi Abd Rahman Abd Ghani (2016) pula, fenomena ini jelas membuktikan para ibu bapa begitu berminat dan ingin terus menghantar anak-anak mereka belajar di institusi-institusi tahfiz, walaupun yuran yang mereka terpaksa bayar agak tinggi. Mereka komited dalam memenuhi gagasan satu keluarga satu hafiz. Bahkan ibu bapa begitu menghasratkan anak-anak mereka berjaya menggapai gelar *huffa>z}* iaitu golongan yang berjaya menghafaz al-Quran, lantaran dengan gelaran itu ibu bapa juga mendapat kelebihan dan keutamaan di sisi Allah SWT.

Bahkan dalam konteks sejarah awal Islam membuktikan generasi pertama Islam sangat mengutamakan pemeliharaan hafazan al-Quran. Dalam hal ini, Ahmad Zulfikar & Mohd Abdul Nasir (2016) telah mengulas mengenai kelebihan orang yang menghafaz al-Quran, dengan membandingkannya dengan orang yang tidak menghafaznya langsung. Atas sebab inilah Rasulullah SAW telah memerintahkan para sahabat supaya menghafaz al-Quran kerana al-Quran dapat memperteguhkan iman dan menjadi penawar kepada orang-orang yang beriman, di samping ia memberi syafaat pula kepada orang yang menghafaznya di akhirat kelak.

Dalam konteks Negeri Sarawak, perkara ini boleh dikaitkan dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Datuk Haji Misnu bin Haji Taha, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak semasa menyampaikan ucapan aluan bersempena Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Sarawak 1440H/ 2019M. Beliau menegaskan bahawa dalam rangka memperkasa institusi tahfiz di Sarawak, Majlis Islam Sarawak telah mengambil pendekatan proaktif dengan

membantu dari sudut pendaftaran institusi tahfiz, penggubalan Kaedah Institusi Tahfiz iaitu garis panduan bagi memastikan kebajikan, pembangunan dan hala tuju institusi ini terjaga, dan kesediaan Tabung Baitulmal Sarawak dalam membantu pelajar-pelajar tahfiz melanjutkan pengajian dalam bidang tahfiz. (Misnu bin Haji Taha, 2019)

Misnu Taha turut menyatakan pendirian Majlis Islam Sarawak bahawa institusi tahfiz di Sarawak harus mengambil kira beberapa aspek utama seperti tahap pengajian peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi, penarafan dan pengiktirafan sijil, hala tuju pengajian di dalam dan luar negara, keperluan kolaborasi yang bersifat silang ilmu dan sebagainya. Hal ini akan membuka jalan dan prospek yang luas ke atas perkembangan institusi tahfiz di Sarawak. Dalam masa yang sama, kepelbagaian dan keragaman tersebut seperti dinyatakan akan menatijahkan isu-isu dan cabaran yang perlu dihadapi dalam pendidikan tahfiz.

Manakala sumber Mardhiah binti Yahaya et. al (2018) dalam mengulas mengenai isu dalam pendidikan tahfiz, ada menyatakan bahawa terdapat beberapa isu dalam pendidikan tahfiz yang diketengahkan dalam persidangan tersebut. Antaranya pentadbiran dan pengurusan institusi tahfiz, kekurangan guru yang mengkhusus dalam subjek hafazan, ketiadaan model yang jelas dan ketiadaan guru yang berwibawa terutamanya di institusi yang menggabungkan kurikulum sains dan tahfiz serta pengajaran dan pembelajaran al-Quran termasuklah kaedah dan teknik yang digunakan. Kenyataan Mardhiah *et. al* ini berlaku di seluruh Malaysia termasuklah di Sarawak.

Berdasarkan kekuatan latar belakang penulisan ini, penyelidik merasakan perlunya untuk membuat penyelidikan ilmiah berkaitan pengkaedahan pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran di Sarawak dengan berdasarkan keada sumber literatur utama.

Pernyataan Masalah Kajian

Pada umumnya permasalahan sesuatu kajian tidaklah tersedia dengan mudah dan senang, bahkan menurut kumpulan penyelidik yang terdiri daripada Rusli Ahmad et. al (2014:49), permasalahan kajian bukanlah suatu yang diberikan, bahkan ia adalah suatu yang dicari, dikenal pasti dan dibangunkan. Sepertimana sesuatu permasalahan kajian itu digambarkan dan dibingkaikan, maka ia memberi panduan dan menunjuk jalan seterusnya dalam menelusuri aktiviti-aktiviti penyelidikan. Pernyataan ini memberi gambaran umum senario mengenai persoalan kajian yang dilakukan ini, bahkan ia lebih memudahkan dan melancarkan aktiviti-aktiviti penyelidikan yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran.

Dalam hal ini, kajian Ab. Halim & Nik Mohd Rahimi (2010:13), merumuskan bahawa dalam konteks sistem pendidikan di Malaysia, tugas menyampaikan dan mengajar ajaran Islam di sekolah-sekolah, secara rasminya terletak pada para guru Pendidikan Islam. Oleh itu, keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam di sekolah bergantung kepada keupayaan dan peranan guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah. Justeru, penguasaan ilmu pengetahuan, kaedah PdP yang sesuai dengan keperluan semasa perlu dikuasai oleh guru Pendidikan Islam agar proses PdP yang dilaksanakan dapat menarik minat pelajar dan memberikan kesan yang positif kepada mereka. Lantaran itu, rumusan Ab. Halim dan Nik Mohd Rahimi ini begitu berkaitan dengan fokus PdP hafazan al-Quran yang bertunjangkan aspek pengkaedahan.

Sehubungan dengan itu, Azmil Hashim et. al (2014) turut membahaskan mengenai kaedah pengajaran dan pembelajaran menjadi faktor utama dalam usaha pemeliharaan hafazan al-

Quran dalam ingatan pelajar. Terdapat enam kaedah utama pengajaran dan pembelajaran dalam pengajian tahfiz iaitu *talaqqi* > dan *musya>fahah, takri>r*, kefahaman, *tasmi* > ', *tadarrus* dan *kita>bah*.

Senario yang berlaku di negara Malaysia sejak kebelakangan ini menyaksikan sekolah atau institut pengajian yang menawarkan program hafazan al-Quran semakin tumbuh dengan pesat.

Dalam hal ini Misnu Taha (2019) dengan optimis menjelaskan bahawa sambutan yang sangat baik di kalangan orang-orang Islam di Sarawak bagi menekuni kandungan al-Quran memberi kesan yang positif khususnya dalam meningkatkan kemajuan Institusi Pengajian Tahfiz al-Quran (IPTQ) di Sarawak. Beliau mengakui bahawa IPTQ di Sarawak semakin banyak dari segi jumlahnya yang menawarkan program pengajian tahfiz al-Quran dalam pelbagai bentuk dan kaedah.

Azmil Hashim *et. al* (2014) mengulas lebih lanjut lagi dengan menjelaskan penemuan awal senario kaedah PdP hafazan di IPTQ yang baharu yang membimbangkan dan perlu diatasi segera. Perkara pertama adalah kebergantungan guru dengan kaedah PdP hafazan al-Quran yang sudah dilazimi dari dahulu lagi yang mereka warisi daripada guru-guru mereka yang terdahulu. Perkara kedua pula merujuk kepada pencapaian prestasi hafazan yang kurang memberangsangkan berikutan daripada kaedah PdP yang kaku dan tidak berkembang, selain daripada menyebabkan motivasi pelajar turut rendah. Lantaran itu, Azmil Hashim *et. al* merumuskan bahawa keperluan segera dalam memperbanyakkan peluang-peluang untuk menaik taraf kemahiran ikhtisas perguruan di kalangan tenaga pengajar IPTQ supaya mereka dapat mempelajari dan menekuni kaedah PdP hafazan al-Quran yang komprehensif dan dinamik.

Jelaslah bahawa garapan perbincangan di atas menunjukkan bahawa perlunya dibuat penulisan akademik bagi mengupas aspek pengkaedahan PdP hafazan al-Quran di Sarawak, dengan berdasarkan kepada literatur utama.

Persoalan Kajian

Berikutan perkembangan yang sangat menggalakkan di kalangan banyak pihak terhadap IPTQ di Negeri Sarawak ini, artikel ini memfokuskan untuk mengenal pasti pengkaedahan pengajaran (*teaching*) dan pembelajaran (*learning*) hafazan al-Quran berdasarkan sumber literatur utama. Lantaran itu, perbincangan artikel ini secara khusus menjawab empat persoalan kajian sebagaimana berikut:

- i. Apakah sumber asas literatur mengenai hafazan al-Quran?
- ii. Apakah sumber asas literatur mengenai sejarah dan perkembangan institusi hafazan al-Quran di Sarawak?
- iii. Apakah sumber asas literatur mengenai aspek pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran?
- iv. Apakah sumber asas literatur mengenai pengkaedahan dalam pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran?

Objektif Kajian

Artikel ini, secara umumnya berobjektifkan untuk menganalisis sumber literatur utama mengenai pengkaedah pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran di Sarawak. Untuk itu, objektif artikel ini secara khususnya adalah untuk mencapai empat objektif berikut:

- i. Menganalisis sumber asas literatur mengenai hafazan al-Quran;
- ii. Menganalisis sumber asas literatur mengenai sejarah dan perkembangan institusi hafazan al-Quran di Sarawak;
- iii. Menganalisis sumber asas literatur mengenai aspek pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran; dan
- iv. Menganalisis sumber asas literatur mengenai aspek pengkaedahan dalam pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran.

Dapatan dan Perbincangan

Beberapa Sumber Asas Mengenai Hafazan al-Quran

Terdapat banyak sumber kajian lepas yang membincangkan mengenai galakan dan adab menghafaz al-Quran sama ada karya ulama terdahulu mahupun hasil kajian para sarjana semasa. Umpamanya al-Ghazali (2005), dalam kitabnya *Ihya' 'Ulum al-Din*, pada bahagian kitab *Adab Tilawat al-Qur'an* turut membincangkan mengenai adab-adab dan etika dalam pembacaan al-Quran. Ia dipecahkan kepada empat bab. Pertama, ia membincangkan mengenai kelebihan al-Quran dan penghafalnya. Kedua, ia juga membincangkan sepuluh adab zahir dalam membaca al-Quran. Ketiga, ia turut menyentuh mengenai sepuluh adab batin dalam membaca al-Quran. Keempat, karya ini juga mengetengahkan mengenai kepentingan memahami al-Quran. Karya ini sangat signifikan kepada pelajar yang menjinakkan diri untuk menghafaz al-Quran. Dengan mengamalkan himpunan adab ini, maka ia akan memudahkan pelajar untuk menghafaz al-Quran dengan lebih lancar.

Huraian mengenai galakan menghafaz al-Quran boleh dirujuk juga dalam sumber al-Nawawi (2000) dengan judul kitabnya: *at-Tibyan fi Adab Hjamalat al-Qur'an*. Dalam kitab ini pengarang telah membahaskan secara khusus dan terperinci mengenai penerangan dan penjelasan berkaitan adab penghafal al-Quran. Antaranya ialah kelebihan mempelajari al-Quran, kelebihan membaca dan pembaca al-Quran, penghormatan terhadap pakar al-Quran, muamalah guru al-Quran dan muridnya, muamalah dengan kitab al-Quran, akhlak belajar al-Quran, interaksi manusia dengan al-Quran, keutamaan membaca ayat atau surah pada masa-masa yang khas, dan menulis al-Quran dan memuliakannya. Kitab ini merupakan antara sumber rujukan penting dalam kajian ini ke arah penyelidikan yang komprehensif.

Sumber kontemporari, umpamanya Muhammad 'Alwi al-Maliki (1424H) dalam karyanya berjudul *al-Qawa'id al-Asasiyyah fi 'Ulum al-Qur'an* menyebut bahawa seseorang yang membaca al-Quran disunatkan baginya membaca dengan *tadabbur* dan memahami makna, kerana itulah tujuan al-Quran dibaca. Dengan demikian amalan ini memberi kelapangan, dan memberi cahaya kepada hati. Dalam hal ini, Muhammad 'Alwi al-Maliki (1424H) turut menyebut bahawa lafaz *tadabbur* bermaksud hati orang yang membaca al-Quran sibuk memikirkan makna dengan apa yang dia lafazkan. Maka dengan melakukan perkara tersebut orang yang membaca al-Quran akan dapat mengetahui makna setiap ayat, mengamati perintah dan larangan Allah SWT seterusnya mengharap Allah SWT menerima amalannya. Jika terdapat kekurangan, dia akan meminta ampun. Apabila membaca ayat berkaitan rahmat Allah SWT, maka dia akan merasakan dirinya menerima berita gembira seterusnya memohon

agar beroleh rahmat dan sebagainya. Elemen *tadabbur* ini jelas menunjukkan pentingnya kefahaman dan penguasaan bahasa Arab, lebih-lebih lagi seseorang bukan Arab yang menghafal al-Quran yang sudah tentunya dalam bahasa Arab. Elemen *tadabbur* ini dapat diterapkan dalam kaedah kefahaman dalam PdP hafazan al-Quran.

Selanjutnya, al-Sayuti (t.th) dalam kitabnya dengan judul: *al-Itqan fi 'Ulu'um al-Qur'an* pada jilid yang pertama dalam mukaddimah menghuraikan mengenai cara menghafal al-Quran. Pada bahagian ini, pengarang telah menukulkan kata-kata Imam Juwaini yang menyentuh tentang perlunya kewujudan penghafal al-Quran dalam jumlah yang mutawatir yang tidak memungkinkan mereka bersepakat untuk melakukan penyelewangan terhadap al-Quran. Implikasinya adalah ia akan menggugurkan kewajipan menghafal al-Quran terhadap orang lain. Sekiranya perkara ini tidak dipenuhi, maka sesebuah masyarakat Islam tersebut akan menanggung dosa.

Manakala Imam al-Nawawi dalam kitab himpunan hadisnya berjudul *Riyad al-Salihin* yang disyarahkan Dr. Musthafa Said al-Khin et. al (1988) dengan judul *Nuzhat al-Muttaqin Syarah Riyad al-Salihin min Kalam Sayyid al-Mursalin*. Sumber ini turut menyentuh dan menerangkan tentang kelebihan membaca al-Quran dan perintah untuk melazimi akan al-Quran serta larangan mencuaikannya sehingga menyebabkan kelupaan. Pesanan ini memberi motivasi kepada pelajar untuk terus cekal dan tabah dalam menekuni proses hafazan al-Quran.

Sumber kontemporari yang lain seperti Mohamad Afifuddin Domyati (2016) menyebut dalam bab perbahasan ke-9 iaitu berkaitan penurunan al-Quran berdasarkan tujuh huruf, menyatakan bahawa Allah SWT menjadikan al-Quran itu mudah untuk dibaca, dihafal, dan difahami. Beliau turut menyebut bahawa Ibn Sa'di dalam tafsirnya menyatakan Allah SWT memudahkan lafaz al-Quran untuk dihafal dan dibaca serta maknanya untuk kefahaman dan ilmu kerana al-Quran itu sebaik-baik kalam dari sudut lafaz, yang paling benar dari sudut makna, yang paling jelas dari sudut penerangan dan tafsir. Maka sesiapa yang menerima dan mencarinya, Allah SWT akan memudahkan urusannya dan dipermudahkan al-Quran untuknya dan sesiapa yang Allah SWT permudahkan dengan al-Quran dipermudahkan juga membacanya.

Dalam hal ini, Ahmad Yusuf Sami al-Halabi (2016), dalam kitabnya berjudul *al-Durr al-Masjub fi Umm al-Kita'ab al-Maknu'n*, telah menjelaskan dan menerangkan maksud ayat: "Kami memudahkan al-Quran" dalam ayat 17 surah al-Qamar dengan pengertian kami menyediakannya (al-Quran) tersedia untuk diingat (beroleh pelajaran). Sebagaimana para ahli bahasa menyatakan dalam frasa ayat "Dia menyediakan kudanya" iaitu mempersiapkannya untuk ditunggangi dengan pelananya.

Ayat-ayat al-Quran yang lain, dalam rangka menunjukkan bahawa al-Quran itu dipermudahkan oleh Allah SWT untuk dihafaz adalah seperti dalam surah Maryam ayat 97, Surah al-Qamar ayat 22 dan 32. Sudah tentu, tidak sekali-kali Rasulullah SAW menyampaikan kalam Allah SWT mengikut hawa nafsunya seperti mana firman Allah SWT dalam surah al-Najm, ayat 3 dan 4, yang bermaksud: "Dan tidaklah yang diucapkannya itu (al-Quran) menurut keinginannya. Tidak lain (al-Quran itu) adalah wahyu yang diwahyukan (kepadanya).

Oleh kerana itu, kajian dan penelitian berterusan amatlah penting bagi mencapai maksud bahawa al-Quran itu telah dipermudahkan oleh Allah untuk dihafal, lebih-lebih lagi untuk mereka yang bukan bertutur dalam bahasa Arab.

Sejarah dan Perkembangan Institusi Hafazan al-Quran di Sarawak

Sejarah mencatatkan penguasaan yang dominan Brunei (1476-1841) ke atas wilayah Sarawak telah memberi impak besar kepada perkembangan dan penyebaran dakwah Islamiyah. Ketika inilah pemerintahan kesultanan Brunei membawa masuk ajaran Islam dengan lebih luas dan memberi kesan positif kepada cara hidup dan pemikiran masyarakat Sarawak. (Abdul Razak, 2018)

Terdapat catatan sejarah menunjukkan kewujudan sebuah masjid di Sarawak yang ditubuhkan pada tahun 1850. Masjid ini dikenali sebagai Masjid Tambi ekoran daripada pembinaannya diusahakan oleh komuniti India Muslim yang datang berhijrah ke Sarawak atas dasar tujuan perdagangan. Komuniti India Muslim ini begitu menekankan pendidikan tahfiz al-Quran sebagai pendidikan asas terawal sehingga budaya ini telah diterapkan sebagai pendidikan al-Quran di negeri ini. (Darul Quran, 2020).

Rentetan daripada itulah pendidikan tahfiz al-Quran ini berterusan sehinggalah Sarawak menyertai gagasan Malaya bagi pembentukan Negara Malaysia pada tahun 1963. Sejak kedatangan Imam al-Hafiz Maulana Abdul Latif bin Ahmad Maidin dari India pada tahun 1954 telah berkhidmat sebagai imam Masjid India Kuching. Pada masa yang sama beliau menjadi tunggak kepada aktiviti berkaitan ilmu pengajian Islam termasuklah pengajian tahfiz al-Quran. Amalan ini berterusan sehingga 1996 dengan penggiliran setiap empat tahun berkhidmat bersama abangnya Imam al-Hafiz Maulana al-Hajj Rahmatullah bin Ahmad Maidin. Antara tokoh yang lahir dari institusi Masjid India ini ialah Ustaz Ishak Mericar bin Ismail Mericar, *Datu Mohamed Ali Mohd Sheriff* (Mantan Ketua Hakim Syarie Negeri Sarawak), Ustaz Bolhassan bin Haji Taha dan beberapa individu yang menjadi penggerak kepada dakwah dan penyebaran ilmu di Sarawak. (Darul Quran, 2020)

Dari sudut pentadbiran hal ehwal Islam di negeri Sarawak, antara tokoh yang menonjol adalah Dato' Sri Haji Anis bin Abot. Beliau yang merupakan mantan Yang Dipertua Negeri Sarawak (1985-2002) merupakan antara individu penting dalam mewujudkan pusat tahfiz al-Quran atau dinamakan Darul Quran melalui Mesyuarat Majlis Islam ke-2 pada tahun 1988 dengan peruntukan awal sebanyak RM36,000.00 sebagai projek perintis. Antara persetujuan dalam mesyuarat tersebut adalah dari aspek kurikulum yang diselaraskan dengan sukatan pengajian yang sedia ada di Institut Pengajian Tinggi al-Quran, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri yang dikenali sebagai Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri. Cadangan awal Darul Quran Sarawak adalah para pelajar dikehendaki belajar selama dua tahun di Sarawak dan pada tahun ketiga mereka dikehendaki meneruskan pengajian mereka di Maahad Tahfiz, Pusat Islam, Kuala Lumpur. Namun, projek yang melibatkan seramai 10 orang pelajar ini tidak dapat diteruskan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. (Abdul Razak, 2007)

Pada tahun 1988, melalui Lembaga Amanah Masjid Negeri Sarawak, telah bersetuju menghantar pelajar mempelajari tahfiz al-Quran di Madrasatul Quran Kubang Bujuk Kuala Terengganu, Terengganu. Pada Januari 1989, fasa pertama seramai 10 orang pelajar dihantar ke madrasah tersebut dan fasa kedua pada bulan Jun tahun yang sama. Antara pelajar yang terawal berjaya menghafaz 30 juz al-Quran di Madrasah al-Quran Kubang Bujuk ialah Ustaz Abdul Rahim bin Haji Rashid dan Ustaz Ahmad Nizam bin Johari yang telah menamatkan khatam berserta syahadah pada tahun 1992. Usaha dengan menghantar 20 orang pelajar tempatan Sarawak ke Madrasatul Quran Kubang Bujuk, Kuala Terengganu telah mendapat

maklum balas yang positif dan telah menjadi pencetus kepada cadangan untuk membuka sebuah institusi tahfiz di bumi Sarawak Darul Hana ini. (Darul Quran, 2020)

Semasa Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud (menjawat sebagai Ketua Menteri Sarawak ketika itu) yang merupakan Pengerusi Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS), beliau telah memperpanjangkan cadangan penubuhan Darul Quran Sarawak kepada Tan Sri Abdul Aziz Hussein selaku Setiausaha Kehormat LAKMNS. Hasilnya pada 2008, LAKMNS bersetuju dan memulakan usaha murni ini dengan penubuhan sekolah rendah tahfiz yang dinamakan Maahad Tahfiz Tun Abdul Rahman Yaakub (MATTARY).

MATTARY ditubuhkan pada 2008 dengan upacara pecah tanah yang telah dirasmikan oleh Tun Yang Terutama Abdul Rahman Yaakub. Usaha ini telah diilhamkan oleh Yang Di-Pertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud dan penubuhan ini adalah memenuhi keperluan fardhu kifayah di Sarawak yang masih kekurangan hafiz dan hafizah berbanding Semenanjung Malaysia. Maahad ini telah membawa satu visi bahawa bersepakat bakal melahirkan generasi al-Quran profesional yang kompeten, berketerampilan dan pemangkin ke arah membentuk masyarakat Islam yang unggul. Tambahan pula, murid-murid di MATTARY bukan sahaja mengikuti kurikulum tahfiz malah mereka turut mengikuti kurikulum mengikut tahap sekolah rendah seperti sekolah rendah yang lain kerana MATTARY juga berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. (Darul Quran, 2020)

Perkembangan MATTARY semakin rancak pada 2011 apabila dibangunkan pelan pentadbiran dan pengurusan serta pembinaan Kompleks Pusat Pengajian al-Quran Tun Abdul Rahman Ya'kub (PATARY) dengan perbelanjaan sebanyak RM22.81 juta iaitu lokasi di mana MATTARY beroperasi. Bagaimanapun, bermula 1 Januari 2021, keseluruhan pentadbiran dan pengurusan termasuk PATARY milik Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) diambil alih oleh Majlis Islam Sarawak (MIS). (Nur Ain Otsman, 2021)

Semasa Majlis Sambutan 10 Tahun MATTARY, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg Ketua Menteri Sarawak telah menjelaskan bahawa di sebalik perkembangan MATTARY yang positif, kerajaan sedar akan cabaran sebenar terhadap hala tuju institusi-institusi tahfiz di Sarawak. Oleh itu, kerajaan telah mengambil inisiatif mewujudkan satu model institusi tahfiz yang akan menjadi panduan kepada seluruh institusi tahfiz di Negeri Sarawak. Melalui model ini, anak-anak akan mengikuti kurikulum pendidikan tahfiz yang dibangunkan bersesuaian dengan pendidikan aliran perdana bagi memastikan anak-anak ini mampu menguasai ilmu al-Quran di samping cemerlang dalam akademik. Kerangka yang dibina tidak hanya terhad untuk pendidikan di peringkat sekolah rendah sahaja malah dirangka sehingga ke peringkat sekolah menengah dan universiti. Justeru, MATTARY telah dipilih menjadi sekolah tahfiz pertama yang akan mengikuti model ini.

Manakala kos pengoperasiannya akan disokong oleh Tabung Baitulmal Sarawak. Majlis Islam Sarawak telah diamanahkan untuk merangka, memantau dan memastikan model ini diiktiraf bukan sahaja di Sarawak namun di seluruh dunia. Pelan jangka panjangnya ialah MATTARY akan menjadi tunjang kepada sebuah institusi tahfiz yang bertaraf antarabangsa sealiran dengan Madrasah al-Junied al-Islamiah di Singapura dan mempunyai piawaian bahasa Arab, keilmuan Islam serta al-Quran yang tinggi. (Abdul Qaiyum, 2020)

Seterusnya di peringkat sekolah menengah, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Sheikh Haji Othman Abd Wahab (SHOAW) Kuching, telah menjadi sekolah pertama yang

mempunyai kokurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di Sarawak. Pelaksanaan ini mula beroperasi pada tahun 2017. Pada peringkat institusi pengajian tinggi pula, Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) adalah satu-satunya institusi di Sarawak yang telah mewujudkan program Diploma Tahfiz wa al-Qiraat dengan kerjasama Darul Quran sejak tahun 2011. Hal ini diambil kira selepas melihat aspek kuantiti pendakwah di Sarawak yang masih belum cukup untuk menampung dan memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat Islam dan bukan Islam di Sarawak walaupun IKMAS telah beroperasi selama hampir satu dekad.

Tambahan pula, institut pengajian tinggi mahupun sekolah yang khusus untuk mendalami dan mempelajari ilmu pengajian tahfiz ini amat berkurangan di Sarawak. Kebanyakannya pelajar Sarawak yang telah menamatkan pelajaran di peringkat menengah berkecenderungan membuat keputusan untuk berhijrah ke Semenanjung Malaysia bagi menyambung pengajian dalam bidang agama dan tahfiz. Walau bagaimanapun, hal ini terhad kepada keluarga yang berkemampuan sahaja. Sehubungan dengan ini, usaha untuk mewujudkan Diploma Tahfiz al-Quran wa Dakwah telah membuka ruang dan peluang kepada pelajar Islam yang mempunyai hasrat dan kesungguhan yang tinggi untuk mendalami pengajian tahfiz di bumi Sarawak sendiri. Hal ini juga turut untuk merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri bagi melahirkan lebih ramai lagi bakal-bakal imam di seluruh pelosok negeri Sarawak. Di samping itu juga IKMAS dapat mengeluarkan graduan-graduan tempatan yang berkemahiran dan pandai dalam bidang pengajian al-Quran dan ilmu-ilmu yang berkaitan secara langsung dengan al-Quran seperti ilmu Qiraat dan Tajwid. Secara tidak langsung, hal ini dapat melahirkan generasi pelapis yang mendalami pengajian tahfiz dalam kalangan masyarakat Islam Sarawak khususnya.

Mutakhir ini juga menunjukkan jumlah institusi yang menawarkan pengajian tahfiz al-Quran semakin meningkat naik sama ada di bawah naungan pihak Kerajaan Pusat, mahupun di bawah Kerajaan Negeri Sarawak melalui Majlis Islam Sarawak, ataupun inisiatif individu perseorangan tertentu. Umpamanya, pada tahun 2010, sebuah madrasah tahfiz dikenali sebagai Madrasah Tahfiz Darul Uloom Islamiyyah Kuching, Sarawak berjaya ditubuhkan hasil usaha gigih bekas pemain bolasepak kebangsaan iaitu Haji Afendi Julaihi. Manakala senarai terkini institusi pengajian tahfiz di Negeri Sarawak yang berdaftar di bawah Majlis Islam Sarawak sebagaimana direkodkan oleh Bahagian Penguatkuasaan Pendidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak sehingga Jun 2023 adalah berjumlah 34 buah pusat tahfiz swasta. Ia terdiri daripada 16 buah di Kuching, 6 buah di Samarahan, 3 buah di Bintulu, 2 buah di Serian, Miri, Betong dan Sibu, dan sebuah di Mukah, Limbang dan Kapit. Sementara Bahagian Serikei dan Sri Aman belum mempunyai pusat tahfiz swasta.

Aspek Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan al-Quran

Terdapat banyak sumber literatur yang menyentuh dan membincangkan mengenai tema pengajaran dan pembelajaran (PdP) hafazan al-Quran. Dalam hal ini, Noor Hisham Md Nawawi (2011b) menjelaskan bahawa pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) sentiasa berubah. Perkembangan terkini menunjukkan bahawa pembelajaran berorientasikan pelajar sedang diurusperdanakan secara radikal. Beliau mengangkat tema agenda Gagasan Islamisasi Ilmu Moden (GIIM), iaitu perkara yang paling fundamental dalam aspek PdP adalah penghasilan pembelajaran yang bermakna. Umpamanya, ilmu dalam kategori naqli yang berstatus ilmu fardhu ain khususnya pada peringkat awal pengajian, masih memerlukan "konsep berguru" kerana matlamat pembelajaran melibatkan pembinaan adab dan penghayatan nilai. Dengan panduan ini, penyelidik cuba mengetengahkan dan memfokuskan subjek kajian berkaitan kaedah PdP hafazan al-Quran yang bersifat saling berintegrasi antara satu kaedah dengan kaedah yang lain dan saling lengkap-melengkapi.

Sehubungan itu, terdapat beberapa kajian lepas yang secara langsung membincangkan dan menghuraikan berkaitan dengan aspek PdP dalam hafazan al-Quran. Antaranya boleh dirujuk sebagaimana dibincangkan seperti berikut:

Kajian Siti Suriyani Sulaiman (2018) dengan tajuk: “Kaedah hafazan: suatu tinjauan ringkas” memberi masukan dalam kajian yang dibuat oleh penyelidik. Kajian Siti Suriyani ini menyentuh tentang metode atau kaedah hafazan al-Quran yang telah didokumentasikan oleh para sarjana. Hasil daripada penulisan terdahulu mendapati bahawa kaedah hafazan membantu tahap keberkesanan hafazan. Walaupun kajian eksperimen secara mendalam belum dilaksanakan di sekolah, perbezaan pengajaran kaedah menghafaz masih boleh diperhatikan. Kaedah hafazan dalam kajian ini perlu diterapkan kepada guru dan pelajar supaya mengurangkan jumlah peratusan yang tidak mencapai sasaran dalam hafazan al-Quran. Implikasi kajian ini menunjukkan teknik pembelajaran tahfiz perlu berdiri sama tinggi dengan pembangunan dalam teknologi pendidikan. Ini mengukuhkan pandangan masyarakat terhadap kebaikan sistem hafazan dalam pendidikan arus perdana.

Sebuah penyelidikan yang dikelolakan oleh Darul Quran JAKIM (2019) telah menghasilkan sebuah buku bertajuk: *Kaedah hafazan al-Quran model Malaysia: Teras panduan penghafaz al-Quran*. Buku ini merupakan hasil bengkel panel pakar kaedah hafazan al-Quran model Malaysia bersama-sama pasukan penyelidikan dan peserta bengkel. Ia mengandungi huraian mengenai sejarah hafazan al-Quran pada zaman awal Islam, kelebihan menghafal al-Quran, kaedah-kaedah hafazan al-Quran di dunia, prinsip asas dan metodologi hafazan al-Quran, sains neurologi dalam kaedah dan teknik hafazan al-Quran, amalan hafaz al-Quran di Darul Quran JAKIM, dan kaedah hafazan al-Quran model Malaysia. Buku ini memberi panduan kepada penyelidik dalam memperincikan kaedah-kaedah hafazan yang lazim digunakan di Malaysia.

Sebuah kajian yang komprehensif oleh Abdul Hafiz et. al (2003) dengan tajuk: “Keberkesanan kaedah hafazan di Pusat Tahfiz”. Kajian ini menjelaskan bahawa pendidikan al-Quran merupakan suatu cabang ilmu yang fundamental kepada umat Islam. Ia meliputi pengajian dan pendidikan bacaan (*qira>’at*), kaedah-kaedah hafazan, pengkajian penterjemahan dan tafsir, pengkajian hukun-hukum dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, kajian ini cuba memberikan fokus utama kepada kaedah hafazan al-Quran dan keberkesananannya. Ia juga memaparkan sejarah dan perkembangan pembelajaran kaedah hafazan, hukum-hukumnya serta kepentingan dan kebaikan menghafaz al-Quran berdasarkan sumber-sumber dari ayat-ayat al-Quran dan al-Sunnah. Kajian ini juga menyentuh beberapa aspek perbandingan di antara pendidikan tahfiz moden dan tradisional di Malaysia dari kacamata pendidikan, infrastruktur, lokasi, perhubungan, pentadbiran, syarat kemasukan, peperiksaan dan persijilan, serta pengiktirafan para lulusan tahfiz dari institusi awam mahupun swasta. Hasil penelitian ini membantu kajian yang dibuat oleh penyelidik khususnya dalam memberi pemahaman dan pelaksanaan kaedah-kaedah hafazan dalam pelaksanaan PdP.

Selanjutnya, Rafidah & Nadiah (2015) telah melaksanakan sebuah kajian ilmiah dengan tajuk: *Kaedah hafazan Maahad Tahfiz di Malaysia*. Kajian ini dilaksanakan dengan mengaplikasikan kaedah persampelan bola salji (*snowball*) dari Institusi Pengajian Tahfiz al-Quran (IPTQ) sepenuh masa di beberapa buah negeri di Malaysia iaitu sembilan institusi di Kedah, dan dua institusi di negeri-negeri lain. Kajian ini mendapati bahawa IPTQ sepenuh masa mempraktikkan kaedah tradisional iaitu pengulangan yang kerap sehingga kukuh dalam memori para pelajar. Terdapat juga beberapa IPTQ yang menggunakan kaedah selain hafazan iaitu menulis hafazan dan menghafal beserta makna. Kajian ini turut mencadangkan penerokaan

kaedah hafazan, berdasarkan teori-teori dan aplikasi-aplikasi hafazan iaitu kaedah-kaedah dan teknik-teknik serta menghimpunkan kaedah dan strategi mereka yang berjaya menghafaz al-Quran.

Sementara Muhammad Toriq & Abdul Razak (2017), pula melakukan kajian bertajuk: “Amalan teknik hafazan al-Quran di Darul Quran”. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui teknik hafazan baharu yang diamalkan oleh pelajar Darul Quran serta mengenal pasti hubungan antara bilangan juzuk *mura>ja’ah*, jumlah hafazan di peringkat menengah dengan pencapaian pelajar. Selain itu kajian ini turut mengenal pasti hubungan antara pencapaian hafazan pelajar dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif diperoleh melalui tinjauan soal selidik. Data kualitatif pula diperoleh daripada temu bual separa berstruktur. Kajian ini melibatkan 251 orang pelajar semester dua program pengajian Diploma Tahfiz al-Quran sesi 2016/2019 dan pelajar semester empat sesi 2015/2018. Dapatan kajian mendapati bahawa pelajar menghafaz hafazan baru berdasarkan bilangan muka surat al-Quran, mengamalkan teknik hafazan dengan membahagikan sukatan hafazan kepada 2 hingga 3 bahagian, sebelum menghafaz, pelajar akan mengulang dan melancarkan ayat dengan melihat mushaf antara empat ke lima kali, semasa menghafaz, pelajar akan mengulang dan menggambarkan ayat hafazan antara empat ke enam kali. Kajian ini juga menunjukkan terdapat hubungan signifikan positif bagi bilangan juzuk *mura>ja’ah*, jumlah hafazan di peringkat menengah dengan pencapaian pelajar serta hubungan signifikan positif juga bagi hubungan antara pencapaian hafazan pelajar dengan pencapaian akademik pelajar.

Selanjutnya Azmil Hashim et. al (2014) turut meneliti sebuah kajian dengan tajuk: “Kaedah pembelajaran tahfiz dan hubungannya dengan pencapaian hafazan pelajar”. Kajian ini bertujuan untuk meninjau kaedah pembelajaran tahfiz di institusi tahfiz Malaysia. Kajian ini melibatkan 212 pelajar tahfiz yang mengambil Diploma Tahfiz Darul Quran JAKIM. Instrumen tinjauan soal selidik telah dibina sendiri oleh penyelidik dan disahkan kandungannya oleh panel rujukan pakar. Tahap nilai kebolehpercayaan alpha Cronbach bagi semua bahagian dalam tinjauan soal selidik adalah tinggi (>0.9). Data kajian dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan min, sisihan piawai, peratus, ujian-t dan korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan kaedah pembelajaran tahfiz al-Quran berada pada tahap sederhana tinggi. Analisis data inferensi mendapati perbezaan yang signifikan antara “jantina” dan “lokasi institusi tahfiz” dengan kaedah pembelajaran tahfiz pelajar. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang kukuh antara kaedah pembelajaran tahfiz dengan pencapaian hafazan pelajar. Implikasi kajian telah merumuskan elemen-elemen kaedah pembelajaran tahfiz perlu diberi perhatian khusus oleh semua pihak dalam merangka kurikulum pengajaran dan pembelajaran tahfiz agar kecemerlangan kualiti hafazan pelajar tercapai.

Selanjutnya, kumpulan penyelidik Intan Zakiah et. al (2018) juga mengkaji sebuah kajian bertajuk “Kaedah pengajaran subjek *H}ifz}* al-Qur’an terhadap pelajar tahfiz di Marsah, Johor”. Kajian ini menganalisis tentang pelajar tahfiz terhadap kaedah pengajaran subjek di Jabatan Tahfiz al-Quran, Kolej Pengajian Islam, Johar (Marsah). Seramai enam orang responden telah dipilih. Bagi tujuan menilai kaedah pengajaran subjek *H}ifz}* al-Qur’an, sesi temu bual telah dijalankan ke atas pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pensyarah subjek *H}ifz}* al-Qur’an menggunakan kaedah tersendiri dalam pengajaran di samping menekankan tatacara pembacaan al-Quran. Dari segi aktiviti pengajaran subjek *H}ifz}* al-Qur’an, pensyarah melaksanakan aktiviti *tasmi>’*. Dari segi amalan pengajaran pensyarah, menjalankan aktiviti *mura>ja’at* pada setiap hari. Pensyarah turut memberikan tanggungjawab menghafaz al-Quran secara formal di hadapan

pensyarah kepada pelajar lelaki pada setiap hari, manakala bagi pelajar perempuan, pensyarah mengkhususkan aktiviti *mura>ja'at* semasa *ma'd}u>rat*. Secara keseluruhannya, terdapat beberapa elemen yang harus diberi perhatian bagi meningkatkan pengajaran subjek *H}ifz} al-Qur'an* seperti penekanan aspek *mura>ja'at* dan usaha meningkatkan gred pencapaian pelajar perempuan.

Selain itu, kajian Nor Musliza & Mokmin (2014) juga berkaitan langsung dengan kajian yang dibuat penyelidik. Mereka telah menghasilkan kajian bertajuk: “Perbandingan kaedah hafazan al-Quran tradisional dan moden: satu kajian awal”. Kajian ini mendapati bahawa berbagai usaha telah dilaksanakan dalam mengkaji dan menganalisa kandungan al-Quran dan ternyata semakin banyak menganalisa dan membahaskannya, semakin diketahui betapa kecilnya kemampuan manusia apabila dibandingkan dengan kebesaran Allah SWT. Kajian ini secara langsung telah membincangkan kajian lepas berkaitan dengan kaedah hafazan al-Quran secara tradisional dan moden bagi mengenal pasti kajian lanjutan yang diperlukan untuk pengukuhan kaedah hafazan sedia ada. Kajian ini memilih reka bentuk kajian kualitatif kerana sesuai dengan tujuan kajian iaitu meneroka isu dan kaedah hafazan al-Quran yang masih belum terbangun sepenuhnya. Perkembangan pembangunan beberapa institusi tahfiz al-Quran menjadikan sistem hafazan al-Quran diperkemaskan dengan pelbagai teknik dan kaedah berkesan serta bersistematik dalam membantu memudahkan proses menghafaz al-Quran dengan sempurna.

Sementara Norhisham et. al (2019) pula mengkaji tentang kaedah *talaqqi> musya>fahah* dalam pengajaran al-Quran wa al-Hifz kurikulum Dini SABK di Perak. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap penguasaan bacaan al-Quran dan hubungan antara pelaksanaan *talaqqi> musya>fahah* dengan penguasaan bacaan al-Quran pelajar SABK. Maklumat kajian diperolehi melalui kaedah kuantitatif melalui tinjauan soal selidik dengan melibatkan 304 orang pelajar tingkatan empat SABK di negeri Perak. Data kajian yang dikumpul, diproses dengan menggunakan perisian IBM SPSS Statistic 28. Penemuan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan *talaqqi> musya>fahah* berada pada tahap tinggi (min=4.15, sp.=0.65) dan penguasaan bacaan al-Quran pelajar adalah tinggi (min=4.28, sp.=0.52). Kajian juga menunjukkan juga bahawa wujudnya hubungan yang sederhana tinggi ($r=0.514$, $p<0.01$) antara pelaksanaan *talaqqi> musya>fahah* dengan penguasaan bacaan al-Quran. Secara keseluruhan, hubungan antara pelaksanaan *talaqqi> musya>fahah* dengan tahap penguasaan adalah kukuh. Ini membuktikan *talaqqi> musya>fahah* penting dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Dapatan ini membantu penyelidik dalam menunjuk arah pelaksanaan kajian ini.

Seterusnya penyelidikan mengenai kaedah PdP hafazan al-Quran turut dikaji oleh Mohd Zulkifli et. al (2015), dengan tajuk kertas kerja yang menarik dengan tajuk: “Kaedah penguasaan mufradat bahasa Arab melalui ayat berasaskan hafazan al-Quran: Tinjauan awal.” Kajian ini mengesahkan bahawa bahasa Arab boleh dikuasai dengan mudah menerusi beberapa teknik yang pelbagai seperti drama, bahas, dan perbualan, selain daripada mengajar secara terus. Namun permasalahan kajian yang timbul adalah terdapat pelajar yang mudah menghafaz al-Quran namun menghadapi prestasi penguasaan bahasa Arab yang tidak berapa baik. Lantaran itu kajian ini dilaksanakan bagi meningkatkan penguasaan bahasa Arab menerusi teknik-teknik khusus melalui hafazan surah-surah lazim. Dapatan kajian ini merumuskan bahawa prestasi penguasaan bahasa Arab dapat ditingkatkan menerusi perlaksanaan penerapan menghafaz ayat-ayat lazim di kalangan pelajar.

Manakala Mohamad Marzuqi et. al (2015), turut menyelidik dalam aspek kaedah PdP hafazan al-Quran dengan tajuk: “Tinjauan keupayaan pelajar tahfiz memahami makna ayat al-Quran:

Kajian kes kepada pelajar lepasan SPM ke Darul Quran.” Kajian ini mendapati bahawa kebanyakan para pelajar lepasan Sijil Pelajar Malaysia (SPM) iaitu seramai 80 orang yang telah diterima memasuki Darul Quran, tidak mampu menjawab dengan baik terhadap soalan menterjemah ayat-ayat al-Quran yang diberikan. Perkara ini berkemungkinan disebabkan para pelajar hanya mampu menterjemah *mufrada*>*t* tertentu sahaja dalam al-Quran dan tidak berkemampuan menterjemah keseluruhan ayat penuh. Sehubungan itu, kumpulan penyelidik ini mencadangkan agar dibangunkan satu modul untuk mengatasi masalah ini iaitu membina sukatan pembelajaran bahasa Arab yang menekankan *mufrada*>*t* untuk memahami ayat-ayat al-Quran.

Farhana & Munirah (2015) juga menjalankan kajian bertajuk: “Keberkesanan pengajaran bahasa Arab untuk pemahaman ayat al-Quran.” Kajian ini mengesahkan bahawa masyarakat di Malaysia semakin berminat untuk mempelajari subjek bahasa Arab. Oleh itu, kajian ini mensasarkan objektif untuk menyelidik dan meneliti penutur bahasa Arab berdasarkan pendekatan pengajaran dalam amalan beragama menerusi menekuni tahap pemahaman bahasa Arab dalam mempelajari al-Quran. Untuk itu, kajian ini memilih dua modul belajar bahasa Arab iaitu Belajar Bahasa Arab Menggunakan Quran Per Kata, dan Pendidikan Bahasa Arab al-Furqaan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perkaitan antara belajar bahasa Arab dengan pemahaman ayat al-Quran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Selanjutnya kajian Abdul Jalal et. al (2015) juga berkisar mengenai kaedah PdP menghafaz al-Quran dengan tajuk kajian: “Keberkesanan kaedah kefahaman makna ayat al-Quran berbantuan al-Quran terjemahan dalam pengajaran dan pembelajaran Hifz al-Quran”. Kajian ini secara khusus berobjektifkan mengukur persepsi terhadap tahap keberkesanan memahami makna ayat al-Quran dengan bantuan al-Quran terjemahan. Untuk itu, pengkaji membina empat instrumen kajian iaitu ujian menghafaz dan ujian memahami makna ayat, dan diikuti dengan pemerhatian berstruktur dan temu bual separa berstruktur. Responden kajian berjumlah 79 orang terdiri daripada pelajar semester satu sesi 2015/2018 Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat, Darul Quran, JAKIM. Dapatan kajian menunjukkan tahap kefahaman makna ayat al-Quran di kalangan responden dapat ditingkatkan melalui cara memahami makna ayat al-Quran dengan bantuan al-Quran terjemahan.

Terdapat juga kumpulan penyelidik lain yang meneliti mengenai kaedah PdP hafazan al-Quran, umpamanya Siti Mursyidah et. al (2017) yang meneliti tajuk kajian: “Kelebihan kaedah hafazan al-Quran metode Nadi al-Baghdadi”. Kajian ini menjelaskan bahawa Nabi Muhammad SAW telah mewariskan umatnya dengan al-Quran sebagai sebuah mukjizat yang terpelihara dan juga diberi kemampuan kepada umatnya untuk menghafaz al-Quran. Lantaran itu, berlaku perubahan kaedah menghafaz al-Quran dari generasi ke generasi sehingga ke zaman kini. Ini termasuklah memperkenalkan kaedah Nadi al-Baghdadi pada tahun 2014 sebagai kaedah alternatif dan terkini dalam usaha melahirkan generasi *huffa*>*z*} al-Quran. Sehingga kini terdapat 290 cawangan Nadi al-Baghdadi di seluruh Malaysia. Sehubungan itu, kajian ini berusaha meneliti keistimewaan kaedah ini berdasarkan pendekatan analisis dokumen dan observasi terlibat sama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keistimewaan kaedah ini boleh dirumuskan kepada lima aspek iaitu kemantapan modul Nadi al-Baghdadi, kelas dikendalikan secara santai, panduan carta Nadi Juzuk, panduan Carta Nadi 6236, pencapaian anugerah berprestij dan guru yang berkualiti.

Sementara Abdul Rahman Talib (2019) turut berkongsi pengalaman dalam membangunkan dan mendirikan sebuah institusi pengajian tahfiz al-Quran melalui sebuah kertas pembentangan

yang bertajuk: “Sistem pembelajaran dan kaedah hafalan al-Quran yang efektif: Perkongsian pengalaman Karantina Tahfiz Malaysia”. Kertas pembentangan ini memperkenalkan Karantina Tahfiz Malaysia sebagai salah sebuah institusi yang menggalakkan proses hafalan al-Quran dalam jangka masa yang pendek dengan penguasaan yang baik di kalangan para pelajarnya. Karantina Tahfiz Malaysia memperkenalkan kaedah yang dikenali dengan Kaedah Yadaain iaitu satu kaedah yang terbukti boleh membimbing penghafaz al-Quran secara lebih baik daripada kaedah yang lazim. Kajian ini juga membicarakan faktor kejayaan kritikal iaitu memiliki prosedur operasi standard Karantina Tahfiz, tahap dan kelancaran bacaan, kesihatan (mental dan fizikal); dan Kaedah Yadaain.

Seterusnya Noor Hisham Nordin et. al (2019) turut menyelidik kaedah PdP hafazan al-Quran dengan tajuk artikel: “Sains Neurologi dalam kaedah dan teknik hafazan al-Quran”. Artikel ini menerangkan bahawa keistimewaan otak manusia yang mampu menyimpan maklumat seharian dan mampu juga mengeluarkannya apabila diperlukan sebagaimana aktiviti *huffa>z}* al-Quran yang mampu menyimpan dan mengeluarkannya tanpa merujuk kepada teks al-Quran. Perkara inilah menjadi asas perbincangan dalam artikel ini bagi menjelaskan hubung kait ilmu sains neurologi dengan menghafaz al-Quran. Artikel ini menggunakan pendekatan kajian kepustakaan bagi mengutip data literatur berkaitan dengan sains neurologi dan hubungannya dengan hafazan al-Quran. Artikel ini mendapati bahawa proses menghafaz al-Quran boleh diperingkatkan kepada tiga tahap ingatan; sementara kemampuan otak manusia dalam menghafaz al-Quran boleh dikelaskan kepada lima proses dan bahagian otak yang boleh dimaksimumkan fungsi menghafaz. Artikel ini juga mendapati bahawa kekerapan pada kadar 30 hingga 40 kali lihat dapat membina hafazan di kalangan pelajar. Jelaslah bahawa aspek sains neurologi ini mampu membantu tahap keberkesanan menghafaz al-Quran dengan baik.

Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Jalaluddin et. al (2016) turut membincangkan lebih lanjut aspek kaedah PdP hafazan al-Quran menerusi tajuk: “Inovasi modul hafazan al-Quran berkonsep Neurofisiologi (Nadi al-Baghdadi)”. Dalam artikel ini, kumpulan penyelidik ini memperkenalkan tiga komponen dalam set modul yang bersifat komprehensif, padat dan holistik merangkumi sepuluh modul hafazan nadi, jadual carta 6236 dan jadual carta jujuk digunakan untuk penerapan konsep neurofisiologi, dimana otak kiri digunakan untuk mengenal pasti maklumat dari modul serta membacanya mengikut susunan dan berurutan. Manakala otak kanan pula digunakan untuk menggambarkan secara keseluruhan dan bayangan bagi menentukan ayat al-Quran dari sudut nombor dan lokasinya.

Manakala Intan Zakiah et. al (2015) turut mengkaji aspek kaedah PdP hafazan al-Quran menerusi kertas pembentangan bertajuk: “Seni menghafaz al-Quran: Aplikasi lajhat al-huruf dan lajhat al-tarannum”. Artikel ini menyimpulkan bahawa *lahjah al-huruf* merupakan satu kemestian dalam proses penghafalan al-Quran dan merupakan fardhu ain. *Lahjat al-tarannum* pula adalah nilai tambah bersifat seni dalam melantunkan bacaan yang membantu individu yang menghafal al-Quran lebih bersemangat dan menjiwai bacaannya. Mendengar rakaman para qari yang terkenal akan mempertingkatkan kualiti dan seni menghafaz al-Quran dan seharusnya dipelajari secara formal bertujuan untuk penghafaz al-Quran melakukan penambahbaikan.

Selanjutnya, peristiwa wabak Covid-19 sewaktu tempoh yang lalu, memberi impak yang besar kepada proses PdP hafazan Al-Quran. Menurut Ahmad Amirul Anwar et. al (2022) bahawa kaedah *tasmi>* atas talian seperti aplikasi *Google Meet*, *WhatsApp*, *Microsoft Teams* dan *Goals*, *Telegram* dan *Youtube* merupakan kaedah alternatif sahaja bagi seorang penghafal al-Quran kerana kaedah *tasmi>* bersemuka adalah lebih menepati sunnah Nabi SAW yang

menerima al-Quran secara langsung dari Jibril AS. Pelbagai cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan PdP hafazan al-Quran atas talian. Antaranya ialah masalah tiada alat peranti kerana tidak mampu atau ada alat peranti tetapi tidak mampu membeli data, rangkaian atau capaian internet yang perlahan, kurang jelas dan capaian internet yang tidak stabil, tiada atau kurang pemantauan guru terhadap pelajar, *talaqqi* > *musya* > *fahah* menjadi kurang efisien, isu disiplin, suasana yang tidak mendorong menghafal al-Quran dan sebagainya. Kaedah e-pembelajaran atau penggunaan medium teknologi ini perlu dilihat dari sudut yang positif kerana menghafaz al-Quran dan memelihara hafazan adalah tugas sepanjang hayat.

Manakala Yusri & Muhammad Toriq (2016) telah melaksanakan kajian bertajuk: “Kajian tinjauan terhadap penjadualan kelas hafazan di pusat pengajian tahfiz”. Kajian ini adalah bertujuan mengkaji penjadualan semula waktu *tasmi* >’ bagi hafazan baru agar membantu merealisasikan dasar penjimatan kewangan Darul Quran. Pusat Pengajian Tahfiz (PPT) yang berorientasikan pengajian tradisional dan moden di Terengganu, Kuala Lumpur, Selangor, Kelantan, Johor, dan Kelantan. Sembilan PPT melaksanakan kelas *Tasmi* >’ Hafazan Baru pada sesi pagi dengan tempoh inimum ialah 1 jam dan maksimum ialah selama 2 jam 30 minit. Secara umumnya sesi dimulakan sekitar jam 6.15 atau selewatnya 10.30 pagi. Hanya 1 PPT melaksanakan *Tasmi* >’ Hafazan Baru pada sesi petang dengan tempoh selama 1 jam 45 minit bermula jam 3.30 hingga 5.15 petang. Tujuh PPT melaksanakan kelas *I’a* > *dah* pada sesi pagi dengan tempoh minimum ialah 1 jam dan maksimum ialah selama 3 jam. Secara umumnya sesi dimulakan sekitar jam 7.30 pagi dan selewatnya dimulakan pada jam 8.50 pagi. Tiga PPT melaksanakan *I’a* > *dah* pada sesi petang dengan tempoh selama 1 jam 10 minit dan maksimum ialah selama 3 jam 45 minit. Secara umumnya sesi dimulakan sekitar jam 2.00 dan selewatnya bermula pada 5.30 petang. Kajian mengenai penjadualan ini penting dalam memandu penyelidik membuat analisis berkaitan kesesuaian masa bagi pelaksanaan kaedah hafazan.

Seterusnya, Muhammad Syafee et. al (2022) telah melakukan kajian bertajuk: “Pengukuhan hafazan al-Quran: Cabaran & penyelesaian”. Kajian ini berobjektifkan mengkaji beberapa kaedah hafazan dan pengulangan hafazan dari sudut pengukuhan dan cabaran serta penyelesaian. Kajian ini mengesahkan bahawa kaedah hafazan ini menuntut komitmen yang tinggi, usaha yang berterusan serta tanggungjawab yang berat terutama melibatkan proses ingatan hafazan al-Quran oleh pelajar. Metodologi kajian ini adalah menggunakan analisis kajian kepustakaan. Hasil kajian ini dapat memberikan panduan kepada para *huffa* > *z* al-Quran untuk mengekalkan ingatan terhadap al-Quran yang telah dihafaz.

Pengkaedahan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan al-Quran

Kaedah adalah satu siri yang sistematik yang bertujuan mencapai objektif pelajaran dengan langkah yang tersusun dalam jangka masa pendek (Sharifah Alwiyah Alsagof, 1984; Ahmad, 2002). Kaedah juga bermaksud jalan yang dilakukan untuk mencapai tujuan. Tegasnya, setiap cara yang dilakukan untuk memberikan kefahaman kepada pelajar bagi mencapai objektif pengajaran ialah kaedah.

Sementara Kamarul Azmi & Ab. Halim (2007) pula turut mengulas kepentingan dalam pemilihan kaedah atau strategi PdP yang sesuai dan relevan dengan mengutarakan petikan pernyataan daripada al-Syaibani (1979) yang mengulas bahawa tiada satu metode pengajaran dan pembelajaran yang berguna untuk semua tujuan pendidikan dan semua mata pelajaran. Begitu juga, tiada pengkaedahan yang lebih baik bagi semua pendidik dalam semua keadaan dan suasana. Guru boleh memilih metode yang sesuai dalam tujuan pendidikan yang ingin dicapainya atau pelajaran yang ingin diajar serta tahap perkembangan, kematangan dan

kecerdasan pelajar-pelajar. Lantaran itu, Kamarul Azmi & Ab. Halim menjelaskan dasar pemilihan kaedah PdP yang sesuai seiring dengan syor dapatan kajian Pierce & Lorber (1967) yang menekankan dua prinsip utama dalam memilih strategi dan kaedah PdP. Prinsip pertama ialah kebanyakan strategi dan kaedah pembelajaran perlu dirancang. Perancangan yang tidak cukup mengakibatkan pengajaran tersebut tidak berpandu kepada objektif pembelajaran. Oleh sebab masa merupakan komoditi yang berharga dan terhad kepada guru dan pelajar, perancangan dalam strategi atau kaedah PdP amat perlu kerana perancangan dapat memaksimumkan penggunaan masa yang diperuntukkan secara efektif dan meminimumkan aktiviti yang tidak produktif. Sementara prinsip kedua pula ialah strategi atau kaedah PdP bersifat anjal. Dalam hal ini, diakui bahawa tidak dapat dipastikan apakah kaedah pelajaran yang baik atau yang praktis dalam semua keadaan, masa, topik pelajaran dan kemahiran pelajar. Ketidakpastian ini disebabkan wujudnya perbezaan di kalangan guru, pelajar dan juga topik pelajaran. Walau bagaimanapun, pada dasarnya guru harus memberi pertimbangan kepada kesan positif hasil daripada kaedah pengajaran tertentu yang diguna pakai dalam membantu mencapai objektif pengajaran.

Lantaran itu, pelbagai kaedah yang boleh digunakan dalam kaedah PdP hafazan al-Quran bagi mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran. Lantaran itu, kajian ini memfokuskan kepada enam kaedah PdP yang lazim diamalkan sebagaimana dihuraikan berikut.

a. Kaedah *Talaqqi*> dan *Musya>fahah* (تَلَقَّى وَمُشَافَهَةٌ)

Menurut Abu Najihat (2002), dan Abu al-Fida' (2006) kaedah ini merupakan kaedah asas dalam pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran dan juga merupakan kaedah yang telah dilaksanakan oleh Jibril AS dan Rasulullah SAW dalam menghafaz al-Quran semasa turunnya wahyu. Kaedah ini bertujuan memastikan bacaan pelajar dan hafazan pelajar bertepatan dengan hukum tajwid dan *fas{ah}ah* al-Quran serta menjamin kesahihan hafazan al-Quran. Guru berperanan memastikan bacaan pelajar dan membetulkan bacaan pelajar, manakala pelajar pula berperanan mencontohi bacaan guru dan memperdengarkan bacaannya kepada guru. Selepas melakukan amalan *takri>r* pelajar dikehendaki memperdengarkan hafazannya di hadapan guru untuk memastikan kesahihan hafazannya (Abu Najihat, 2002).

Kaedah *talaqqi*> dan *musya>fahah* ini juga merupakan satu kaedah yang dilaksanakan dengan cara guru memperdengarkan bacaannya pada setiap ayat kemudian diikuti oleh pelajar atau guru menyemak bacaan pelajar pada ayat-ayat yang hendak dihafaz atau menyemaknya ketika sesi *tasmi*>'. Bacaan tersebut mestilah lancar, fasih, dan bertajwid (Darul Quran, 2007b).

Kaedah *talaqqi*> dan *musya>fahah* ini juga dikenali sebagai kaedah yang telah dinyatakan oleh banyak tokoh pendidikan tahfiz. Menurut Ahwani (1995), hafazan al-Quran dengan cara *talaqqi*> dan *musya>fahah* adalah sebaik-baik kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran. Kaedah *Talaqqi*> bererti guru menyebut ayat al-Quran, kemudian pelajar menyebut dan mengulangi apa yang disebut oleh guru tersebut sehingga dapat menghafaznya dengan lancar (Ahwani, 1955). Proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran secara *talaqqi*> dan *musya>fahah* juga berlaku kepada Rasulullah SAW oleh Malaikat Jibril AS.

Kaedah *talaqqi*> dan *musya>fahah* ini juga turut ditegaskan oleh Abu Najihat (2002) dengan menyatakan bahawa *talaqqi*> dan *musya>fahah* menjadi syarat utama dalam pengajian al-Quran terutama dalam bidang tahfiz. Menurut beliau, terdapat dua cara yang biasa digunakan dalam proses *talaqqi*> dan *musya>fahah*. Pertama, guru membacakan ayat al-Quran di hadapan pelajar sambil pelajar mendengarnya dengan teliti. Kemudian pelajar mengikuti sebagaimana

yang telah dibacakan oleh guru tersebut. Kedua, pelajar membaca di hadapan guru dan guru hanya menyemak serta membetulkan mana-mana bacaan yang salah.

Cara yang paling baik adalah digabungkan kedua-dua cara ini bagi menghasilkan kualiti yang lebih baik dalam hafazan al-Quran (Abu Najihat, 2002). Abu al-Fida' (2006) juga menyarankan agar menggunakan kaedah *talaqqi* dalam menghafaz al-Quran kerana kaedah *talaqqi* merupakan kaedah yang diguna-pakai oleh baginda Rasulullah SAW dalam menghafaz al-Quran semasa penurunan wahyu. Rasulullah SAW mendengar daripada Jibril AS dan seterusnya baginda mengikuti apa yang dibaca oleh Jibril AS.

Dari aspek amalan, terdapat penyelidik yang memberi perincian secara berasingan antara *talaqqi* dan *musya>fahah*. Umpamanya, Abdul Hafiz bin Haji Abdullah dan Nur Safazilah binti Maksom (2016:15-16) menjelaskan bahawa istilah *talaqqi* merujuk kepada pertemuan antara guru dan murid secara bersemuka ataupun secara berdepan. Kaedah ini juga boleh dilakukan secara individu dan juga secara berkumpulan, atau ketika berada di dalam kelas. Kaedah ini sangat memberi kesan kepada guru untuk menyemak bacaan dan hafazan pelajar serta dapat memperbaiki segala kekurangan dan kecacatan dalam hafazan tersebut. Ia juga dapat mengesan akan pelajar yang tidak dapat menguasai bacaan al-Quran dengan mengadakan kelas pemulihan kepada pelajar tersebut agar mereka tidak ketinggalan jauh di antara pelajar-pelajar yang lain. Melalui kaedah ini, pelajar diminta untuk bertalaqqi seorang demi seorang dengan membacakan hafazan mereka di hadapan guru.

Manakala istilah *musya>fahah* pula merujuk kepada amalan penyampaian dan pengajaran guru kepada pelajar mengenai ayat-ayat al-Quran yang perlu dihafaz. Dengan kaedah ini, pelajar akan mengikut pergerakan bibir guru dan cuba untuk menyebut sepertimana yang telah dilakukan oleh guru. Kaedah ini lebih mementingkan kepada ketepatan dalam penuturan, sebutan, makhraj huruf dan sifat bagi huruf agar tidak berlaku sebarang kesilapan dalam hafazan.

b. Kaedah *Takri>r* (تَكْرِير)

Perkataan *takri>r* kadang-kadang disebut juga dengan *takra>r*. Perkataan *takri>r* merupakan kaedah yang digunakan oleh pelajar untuk mengulang-ulang bacaan ayat al-Quran beberapa kali sehingga pelajar dapat menghafaz dengan baik. Jumlah pengulangan *takri>r* tersebut bergantung kepada tahap kemampuan pelajar dan juga bergantung kepada jenis ayat al-Quran. Hal yang demikian adalah kerana tahap kemampuan pelajar tidak sama dan terdapat antara ayat al-Quran yang sukar dan senang dihafaz. Namun begitu, lebih banyak pengulangan ayat dibuat lebih kuat ingatan hafazan pelajar.

Takri>r juga penentu kepada kekuatan hafazan pelajar. Kaedah *takri>r* merupakan kaedah yang utama dalam menghafaz al-Quran (al-Qabisi, 1955; Ahwani, 1955; Muhammad Muhsin, 1994; Abu al-Fida', 1999, Abu Najihat, 2002, al-Syarbini, 2004, Abu al-Fida, 2006, Mohd Farouq, 1427H).

Terdapat penyelidik bidang hafazan al-Quran seperti Abd Rahman (2016:7-8) yang menanggapi konsep *takri>r* ini sebagai amalan bersifat tradisional yang berupa latih tubi terhadap hafazan ulangan yang dilakukan hampir sepanjang waktu pembelajaran. Beliau secara umumnya menggambarkan amalan ini dengan situasi di mana guru-guru tahfiz masuk ke kelas dan duduk di hadapan menunggu pelajar datang *tasmi>* ' kepadanya. Pelajar yang datang *tasmi>* ' pula terus membaca dan ditegur sekiranya berlaku kesalahan dalam bacaan mereka. Itulah yang berlaku sehingga pelajar khatam 30 juz al-Quran.

c. Kaedah Kefahaman

Pelajar hendaklah memahami ayat dan makna kalimah ayat al-Quran semasa menghafaz. Kaedah kefahaman ini merupakan kaedah yang membantu dalam menghafaz dan mengukuhkan hafazan. Dengan memahami maksud ayat dan kalimah, pelajar akan dapat menumpukan perhatian terhadap ayat yang dihafaz semasa amalan *takri>r*. Hal ini akan menambahkan kekhusyukan dan dapat membaca ayat al-Quran secara *tadabbur* dan baik (Ahwani, 1955; al-Syarbini, 2004; Abu al-Fida', 2006).

Menurut Abdul Hafiz & Nur Safazilah (2016:17), kaedah kefahaman ini dianggap penting dalam amalan hafazan al-Quran terutamanya bagi pelajar yang cemerlang dalam menghafaz al-Quran dengan memahami terjemahan ayat al-Quran, memahami maksud cerita al-Quran dan mengaitkan kefahaman serta analisis ayat yang dihafaz. Ini bermaksud, dengan kaedah ini, pelajar akan lebih mudah menghafaz al-Quran, bahkan juga mereka dapat memahami dan menghayati dengan lebih mendalam terhadap kandungan al-Quran tersebut melalui terjemahan, tafsiran dan *asba>b al-nuzu>l*.

Sementara Ahmad Bazli et. al (2016:166) menjelaskan bahawa aspek kefahaman dalam pendidikan al-Quran adalah penting supaya pelajar mengetahui maksud ayat al-Quran yang telah dihafal. Untuk peringkat permulaan, pelajar boleh mengetahui tafsiran umum ayat melalui terjemahan al-Quran. Pelajar akan menyampaikan tafsiran umum ayat yang dihafal selepas sesi *tasmi>* ' dan *asba>b al-nuzu>l*. Pendekatan ini memastikan pelajar memahami ayat yang dihafal secara kontekstual dan mengelakkan pelajar salah faham dalam memahami maksud ayat secara tekstual.

Manakala Mohd Hakim et. al (2021) pula memfokuskan kajian dengan tajuk: "Kefahaman ayat al-Quran di kalangan pelajar tahfiz: Satu sorotan". Kajian ini mengetengahkan suatu sudut pandang bahawa pendidikan tahfiz al-Quran merupakan aliran pendidikan yang berkembang dan mendapat tempat dalam masyarakat Islam di negara kini. Program pengajiannya banyak ditawarkan di institusi-institusi kerajaan dan swasta. Walau bagaimanapun, kaedah pembelajaran di institusi tahfiz dilihat banyak menitikberatkan dan tertumpu terhadap hafazan al-Quran semata-mata. Kajian ini juga menyorot tinjauan kajian-kajian yang lepas dengan menemukan kepentingan penguasaan makna-makna ayat al-Quran sebagai elemen penting dalam penghayatan al-Quran. Kajian ini juga mendapati penguasaan makna-makna ayat al-Quran yang di hafaz oleh pelajar kurang diberi perhatian di kebanyakan institusi tahfiz.

d. Kaedah *Tasmi>* (تَسْمِيْع)

Istilah *tasmi>* ' merujuk kepada situasi di mana pelajar memperdengarkan hafazan baharu kepada guru. Kaedah ini sesuai digunakan bagi tujuan untuk menyemak kembali bacaan dan hafazan pelajar. Melalui kaedah ini, guru dapat mengesan tahap pencapaian hafazan seseorang pelajar dan secara tidak langsung dapat memperbetulkan semula bacaan pelajar yang didapati kurang sempurna dan jelas. Guru akan mencatat hafazan murid dari semasa ke semasa bagi mengetahui tahap pencapaian hafazan yang telah disempurnakan oleh pelajar tersebut. Dengan kaedah ini juga guru dapat terus membimbing pelajar agar dapat meneruskan hafazan mereka dengan lebih baik. (Abdul Hafiz & Nur Safazilah, 2016)

Pelajar seharusnya menjadikan kaedah *tasmi>* ' ini sebagai amalan dalam pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran kerana pelajar tidak mampu untuk menyemak bacaan sendiri melainkan orang lain atau guru yang akan mendengarkan bacaannya. Oleh itu, kaedah *tasmi>* ' ini merupakan kaedah untuk menilai bacaan dan hafazan pelajar dan seterusnya memperbaiki

serta mengukuhkan ingatan hafazan ayat al-Quran (Abu al-Wafa', 1999; Abu Najihat, 2002; Abu al-Fida', 2006)

Selain itu, kaedah *tasmi*>' ini juga menerapkan teknik mendengar bacaan dari penghafaz qari al-Quran. Teknik ini merupakan suatu aktiviti mendengar bacaan daripada seorang hafiz al-Quran yang dapat memberi semangat kepada seseorang yang ingin mengekalkan hafazannya. Hal ini boleh dilakukan dengan mendengar rakaman sama ada radio, cekera padat al-Quran atau MP3 al-Quran. Dengan cara ini mereka boleh mendengar dengan teliti bacaan-bacaan yang didengarkan dengan memerhatikan hukum-hukum tajwidnya serta alunan irama bacaannya. (Abdul Zulfiqar Shah & Mohd Abdul Nasir, 2016)

Dalam hal ini, Shafiza binti Safie *et. al* (2016) menambah bahawa kaedah *tasmi*>' ini mempunyai beberapa kelebihan. Pertama ialah guru dapat mengetahui dan mengesan kelemahan bacaan pelajar pada waktu yang cepat. Kedua, guru dapat memperbetulkan bacaan pelajar dengan tepat. Ketiga, guru dapat mengesan dan mengenal pasti tahap penguasaan sebenar pelajar. Keempat, guru dapat memastikan pelajar tidak melakukan kesilapan. Kelima, guru dapat mendisiplinkan pelajar dengan cara yang berkesan. Melalui kaedah ini, guru dapat mengesan dengan cepat penguasaan pelajar terhadap ayat bacaan yang diajar.

e. Kaedah *Tadarrus* (تَدْرِيسُ)

Tadarrus dalam pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran merupakan kaedah menghafaz dan menyemak hafazan secara berkumpulan, iaitu pelajar membaca al-Quran tanpa melihat *mus}h}af* dan pelajar yang lain mendengar, menyemak dan memperbetulkan sekiranya terdapat kesalahan, kesilapan atau terlupa ayat al-Quran. Kadang-kadang pelajar melakukan *takri*>*r* hafazan bersendirian tanpa menyedari bahawa beliau melakukan kesalahan dalam hafazan tersebut. Kesilapan ini akan berlarutan kerana tiada siapa yang akan memperbaiki bacaannya sehinggalah kesalahan itu diketahui apabila disemak oleh orang lain (Muhammad Muhsin, 1994; Abu Najihat, 2002; Mohd Farouq, 1427H).

Bahkan dalam konteks yang lebih mendalam, terdapat kajian khusus yang mengkaji berkaitan aspek *tadarrus* al-Quran sebagaimana boleh dilihat dalam kajian H. Zamakhsyari (2016) dengan tajuk: "Tadarus Alquran: Urgensi, tahapan, dan penerapannya". Kajian ini menjelaskan bahawa salah satu hak al-Quran atas umat Islam bukan sekadar dibaca, dipahami, ditadabburi, tetapi juga diamalkan. Lantaran itu, kajian ini memahami mengkaji al-Quran dengan berbagai tahapannya itu disebut dengan *tadarrus* al-Quran. Namun, pengertian *tadarrus* al-Quran pada masa kini hanya dibatasi dalam ruang lingkup membaca al-Quran, bahkan juga dibatasi hanya dilakukan sepanjang bulan Ramadhan. Oleh itu, kajian ini bertindak untuk menjelaskan makna *tadarrus*, kesegeraannya, tahapan pelaksanaannya, hingga manfaat yang dapat diperoleh dari *tadarrus*, serta memperbetulkan beberapa pandangan yang kurang tepat berkaitan ibadah ini.

f. Kaedah *Kita>bah* (كِتَابَةٌ)


Kita>bah atau penulisan merupakan kaedah sokongan yang membantu dan mengukuhkan hafazan al-Quran. Hal ini adalah kerana penggunaan pelbagai deria dengan menggunakan tangan dalam menghafaz al-Quran akan memperkukuhkan ingatan pelajar terutama pada ayat yang susah dan ayat *mutasya>biha>t*. Penulisan ini juga boleh dilakukan berulang-ulang kali untuk memantapkan hafazan dan mengelakkan hafazan daripada mudah lupa. Dalam kaedah ini pelajar juga akan menulis ayat al-Quran sama seperti kedudukannya dalam *mus}h}af* (al-Qabisi, 1955; Muhammad Muhsin, 1994; Abu al-Wafa, 1999; Abu al-Fida', 2006)

Penulisan ayat yang dimaksudkan ialah ayat-ayat al-Quran yang telah hafal akan ditulis pada kertas khas mengikut format *mus}h}af*. Sebaik-baiknya penulisan ayat tersebut dilakukan sebelum sesi *tasmi* > ‘ berlangsung. Konsep hafal dan tulis ini seiring dengan saranan dan peunjuk baginda Nabi SAW dalam sabdanya yang bermaksud: Kamu hendaklah mengikat ilmu dengan tulisan. (Ahmad Bazli *et. al*, 2016:166)

Kaedah *Kita>bah* ini dianggap sebagai kaedah penulisan ayat al-Quran yang akan menjadi kaedah sokongan kepada pelajar untuk mengingati hafazan mereka.

Penutup

Huraian dan perbincangan di atas telah memperincikan sorotan kajian lepas dengan merujuk beberapa sumber asas mengenai hafazan al-Quran. Selain itu, bab ini juga menyorot aspek sejarah dan perkembangan institusi hafazan al-Quran di Sarawak. Selanjutnya, perbincangan juga terfokus kepada aspek pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran. Perbahasan artikel ini diakhiri dengan huraian mengenai pengkaedahan dalam PdP hafazan al-Quran yang tertumpu kepada enam kaedah yang lazim. Rumusan tinjauan kajian lepas boleh ditunjuk dalam rajah 1 berikut.



Rajah 1: Rumusan tinjauan kajian lepas mengenai kaedah PdP hafazan al-Quran

Adalah diharapkan perbincangan-perbincangan dan dapatan-dapatan yang diulas dalam artikel ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak khususnya para pelajar, guru tahfiz dan pembuat polisi serta para ibu bapa dan masyarakat awam secara umumnya. Dengan itu, ia akan meningkatkan kualiti PdP hafazan al-Quran itu sendiri, dan sekali gus mengangkat darjat golongan yang terlibat dalam PdP hafazan al-Quran sebagaimana sabdaan Nabi Muhammad SAW yang menegaskan bahawa:

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

Maksudnya: “Sebaik-baik kamu ialah mereka yang belajar al-Quran dan mengajarkannya.”

[Riwayat al-Bukhari, no. Hadith 5027]

Rujukan

- Ab. Halim, T., & Nik Mohd Rahimi, N.Y. (2010). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd Rahman, A.G. (2016). Pembangunan Sistem Pendidikan Guru Tahfiz di Malaysia ke Arah Melahirkan Tenaga Kerja Terlatih, dlm. Mohd. Yakub Zulkifli Haji Mohd dan Nordin Ahmad, *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*. Kuala Kubu Bharu Selangor: Darul Quran JAKIM, dan Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research Universiti Malaya, 5-9.
- Abdul Hafiz, H.A., Ajmain, S., Mohd Ismail, M., Azhar, M., & Idris, I. (2003). *Keberkesanan Kaedah Hafazan di Pusat Tahfiz*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Hafiz, H.A., & Nur Safazilah, M. (2016). Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Madrasah Tahfiz al-Quran Darul Ta'alim, Kg. Tengah, Kluang, dlm. Mohd. Yakub Zulkifli Haji Mohd Yusoff dan Nordin Ahmad, *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*. Kuala Kubu Bharu Selangor: Darul Quran JAKIM, dan Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research Universiti Malaya, 23-34.
- Abdul Jalal, A.M., Shamsul Bahari, D., Mohamad Marzuqi, A.R., Muhammad Toriq, Y., Zamzarina, M.S., Sukhairu, S., Mohd Abdul Rauf, S., Nur Syazrin, N.M. (2015). *Keberkesanan Kaedah Kefahaman Makna Ayat al-Quran Berbantuan al-Quran Terjemahan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Hifz al-Quran*. Selangor: Darul al-Quran JAKIM.
- Abdul Qaiyum. (2020). Majlis Sambutan 10 Tahun MATTARY Kuching, Old Kuching Smart Heritage (9 Dis 2020). Diakses dari laman sesawang *Utusan Sarawak* di alamat: <https://www.oldkuchingsmartheritage.my/2020/12/22/majlis-menandatagani-memorandum-perjanjian-penyerahan-mahad-tahfiz-tun-abdul-ra/>
- Abdul Rahman, T. (2019), Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafalan al-Quran Yang Efektif: Perkongsian Pengalaman Karantina Tahfiz Malaysia, *Konvensyen Huffaz Peringkat Kebangsaan JAKIM-UNITEN 2019*.
- Abdul Zulfiqar Shah, A.H., & Mohd Abdul Nasir, A.L. (2016). Pengayaan, Pengukuhan dan Pemulihan dalam Pembelajaran Tahfiz al-Qur'an: Kajian di Beberapa Sekolah Tahfiz Terpilih di Kelantan, dlm. Mohd. Yakub Zulkifli Haji Mohd Yusoff dan Nordin Ahmad, *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*. Kuala Kubu Bharu Selangor: Darul Quran JAKIM, dan Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research Universiti Malaya, 10-13.
- Abu al-Fida'. (2006). *Kaifa nahfazu al-Quran*. Al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Abu Najihat. (2002). *Panduan bagi hafiz hafizah dan qari dan qariah*. Selangor: Darul Iman.
- Ahmad Amirul Anwar, A.K.A., Muhammad Afiq, A., Mohamad Irsyad, M.S., Syed Najihuddin, S.H. (2022). Kaedah Pembelajaran Tahfiz Pasca Covid-19. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7 (PASAK 7 2022) – Dalam Talian* pada 22 & 23 Jun 2022 (eISSN 2811-4051).
- Ahmad Bazli, A.H., Zulkarnin, Z., Mahiz, S., & Selamat, A. (2016). Sistem Pendidikan dan Pengajaran al-Quran untuk Pelajar Pintar Berbakat: Inovasi di Kolej Permata Insan, dlm. Mohd. Yakub Zulkifli Haji Mohd Yusoff dan Nordin Ahmad, *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*. Kuala Kubu Bharu Selangor: Darul Quran JAKIM, dan Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research Universiti Malaya, 161-172.
- Ahwani, A.F. (1995). *Al-tarbiyyah fi al-Islam aw ta'alim fi ra'yi al-Qabisi*. Kaherah: Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah.
- Al-Albani, M.N. (1988). *Sahih al-Jami' al-Saghir*. Beirut: Al-Maktabah al-Islami.
- Al-Ghazali (2005). *Ihya' Ulum ad-Din*.
- Al-Khin, M.S. et. al (1988). *Nuzhat al-Muttaqin Syarah Riyadh al-Solihin min Kalam Sayyid al-Mursalin*.

- Al-Nawawi, al-Imam Abi Zakaria Yahya bin Syaraf al-Din al-Syafi'ie (2000). *al-Tibyan fi Adab Hamalat al-Quran*. Maktabah Dar al-Bayan.
- Al-Qabisi, Abi Hasan Ali Muhammad Khalaf. (1955). *Al-Risalah al-Mufassolah li Ahwal al-Mu'allimin wa Ahkam al-Mu'allimin wa al-Mutaallimin*. Kaherah: Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah.
- Al-Sayuti (t.th). *al-Itqan fi Ulum al-Quran*.
- Al-Syarbini, Ibrahim Abdul Mun'im. (2004). *Al-Sabil ila al-Jinan bi Bayan Kaifa Yuhfazu al-Quran*. Zaqaziq: Dar Ibnu Kathir.
- Anwar Ibrahim. (2024). Umat Islam perlu tekuni kupasan, tafsir al-Quran – Anwar. *KOSMO*, 28 Mac 2024, 12:25 pm. Diakses daripada laman sesawang: <https://www.kosmo.com.my/2024/03/28/umat-islam-perlu-tekuni-kupasan-tafsir-al-quran-anwar/>
- Azmil, H., Ab. Halim, T., Misnan, J. & Aderi, C.N. (2014). Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya dengan Pencapaian Hafazan Pelajar, *Journal of al-Quran and Tarbiyyah*, Vol 1(1), 9-16.
- Azri Bhari. (2022). Menyelami isi kandungan al-Quran, *Harian Metro*, Oktober 27, 2022 @ 7:00am. Diakses daripada laman sesawang: <https://www.hmetro.com.my/addin/2022/10/896531/menyelami-isi-kandungan-al-quran>
- Darul Quran JAKIM (2019). *Kaedah Hafazan al-Quran Model Malaysia: Teras Panduan Penghafaz al-Quran*. Kuala Kubu Baharu, Selangor: Darul Quran JAKIM.
- Darul Quran JAKIM (2020). *Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Tahfiz al-Quran di Malaysia*. Ed. II. Kuala Kubu Baharu, Selangor: Darul Quran JAKIM.
- Farhana, I. & Munirah, A. (2015). Keberkesanan Pengajaran Bahasa Arab Untuk Pemahaman Ayat Al-Quran, *E-Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2015*. 8 & 9 June 2015, Meli Hotel Kuala Lumpur, Malaysia. <<http://WorldConferences.net>>
- H. Zamakhsyari, H.T. (2016). Tadarus Alquran: Urgensi, tahapan, dan penerapannya, *Almufida*, Vol. I No. 1 Juli-Desember 2016, 21-48
- Intan Zakiah, J., Mohamad Khairi, O., Mohd Zailani, M.Y., & Mardzelah, M. (2018). Kaedah Pengajaran *Subjek Hifz al-Qur'an* terhadap Pelajar Tahfiz di Marsah, Johor. *Jurnal Hadhari* 10 (1) (2018), 109-124.
- Jalaluddin, H.H., Muhammad Farhan, H.A., & Wan Nur Najwa, W.A.R. (2016). Inovasi Modul Hafazan al-Quran Berkonsep Neurofisiologi (Nadi Al-Baghdadi), dlm. Zulkifli Mohd Yakub Haji Mohd Yusoff dan Nordin Ahmad, *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul al-Quran JAKIM dan Centre of Quranic Research Universiti Malaya.
- Kamarul Azmi, J. & Ab. Halim, T. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Mardhiah, Y., Zetty Nurzuliana, R., Aslam Farah, S. (2018). Isu Dalam Pendidikan Tahfiz: Satu Analisis, *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan* kali ke 3 di KUIS.
- Misnu, T. (2019). Teks Ucapan Alu-Aluan Yang Berbahagia Datu Haji Misnu bin Haji Taha, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak. *Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Sarawak 1440H/2019M*, 25 Februari 2019, Dewan Majma' Tuanku Abdul Halim Mua'dzam Shah, Kompleks Islam Sarawak, Kuching, Sarawak. <<https://www.oldkuchingsmartheritage.my/2020/12/09/majlis-sambutan-10-tahun-mattarykuching-9-12-20-yang-amat-berhormat-datuk/>>
- Muhammad Afifuddin, D. (2016). *Mawarid al-Bayan Fi Ulum al-Quran*, Maktabah Lisan Arabi, 49.

- Mohamad Marzuqi, A.R., Muhammad Akramin, K.Z., Mohammad Toriq, Y., & Sukhairu, S. (2015). *Tinjauan Keupayaan Pelajar Tahfiz Memahami Makna Ayat al-Quran: Kajian Kes Kepada Pelajar Lulusan SPM ke Darul Quran*.
- Mohd Akram, D.D., Muhamad Khadafi, H. R., Mohd Nizho, A.R., Muhamad Amar, M. (2017). Perkaitan Realiti Sosial Kehidupan Manusia Dengan Penetapan Hukum Syarak: Satu Penelitian Terhadap Al-Sunnah, *Journal of Contemporary Islamic Law*, Vol. 2(2) (2017).
- Mohd Farouq Mohd al-Raiy. (1427H). *Al-Tariqah al-'Amaliyyah li al-Ta'allumi wa Ta'alim al-Quran Hifzan wa Tilawatan bi al-Tajwid wa al-Itqan*. Jeddah: Syirkah al-Madinat al-Munawwarah li al-Taba'ah wa al-Nasyr.
- Mohd Fauzi, H. & Mohd Khairul Naim, C.N. (2012). Tinjauan Kepentingan Pembangunan Modal Insan di Malaysia, *Jurnal Al-Tamaddun*. Bil. 7(1), 75-89.
- Mohd Hakim, M.R., Mahmood, S. & Azmi, B. (2021). Kefahaman Ayat al-Quran di Kalangan Pelajar Tahfiz: Satu Sorotan, *Jurnal Maw'izah*, Jilid 4, 1-10.
- Mohd Zulkifli, M., Harun, B., & Siti Fatimah, S. (2015). Kaedah Penguasaan Mufradat Bahasa Arab Melalui Ayat Berasaskan Hafazan al-Quran: Tinjauan Awal, *eProceedings International Seminar on al-Quran in Contemporary Society*, 10 - 11 October 2015, Faculty of Islamic Contemporary Studies, UniSZA, 296-303.
- Al-Sayyid Muhammad Alwi Al-Maliki (1424H), *Al-Qawaid al-Asiasiah fi Ulum al-Quran*. Fahrasah Maktabah al-Malik Fahd al-Wathoniyyah athna an-Nasyr.
- Muhammad Muhsin, S.A. (1994). *Al-Qur'an dan Cara-cara Menghafaznya*. Shah Alam: Perpustakaan Darul Quran.
- Muhammad Syafee, S.H., Mohd Izzuddin, M.P., Mardhiah, Y., Muhammad Hafizan, A.H. & Zur'ain, H. (2022). Pengukuhan Hafazan al-Quran: Cabaran & Penyelesaian. *Jurnal Qiraat (Jurnal al-Quran dan Isu-isu Semasa)*. Vol 5:2, 34-40.
- Muhammad Toriq, Y. & Abdul Razak, M.Z. (2017). *Amalan Teknik Hafazan al-Quran di Darul Quran*. Laporan Penyelidikan. Kuala Lumpur: Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Muhammad Zulazizi, M.N., Mohd Rashidi, O., Muhammad Amirul, M.N. (2021). Sistem Pendidikan Tahfiz di Malaysia, Pilihan Ibu Bapa dan Warisan Pendidikan Islam Andalus: Satu Sorotan, *Asian People Journal*, 2021, Vol 4(1), 132-147.
- Noor Hisham Nordin, A., Muhammad Toriq, Y. & Nur Hallyda, M.S. (2019), Sains Neurologi Dalam Kaedah dan Teknik Hafazan al-Quran, *Jurnal Darul Quran*. Bil. 23. 97-113.
- Noor Hisyam, M.N. (2011). Pengajaran dan Pembelajaran; Penelitian Semula Konsep-konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden, *Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2011*. Kertas kerja ini dibentangkan pada 18-20 Disember di Hotel Vistana Pulau Pinang.
- Nor Musliza, M. & Mokmin, B. (2014). Perbandingan Kaedah Hafazan al-Quran Tradisional dan Moden: Satu Kajian Awal, *Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014*, 9-10 June 2014, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Organized by WorldConferences.net, pp.827-834.
- Norhisham, M., Azmil, H., Wahyu Hidayat, A., Muhammad Akramin, K.Z. & Fatin Ardani, Z. (2019). Kaedah Talaqqi Musyafahah dalam Pengajaran al-Quran wa al-Hifz Kurikulum DINI SABK di Perak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. Vol. 4 Issues: 32 [September, 2019], pp.273-283.
- Nur Ain, O. (2021). MATTARY Pusat Hafiz Professional, *Utusan Sarawak* (1 Jan 2021). Diakses dari laman sesawang Utusan Sarawak di alamat: <<https://www.utusansarawak.com.my/?p=20706>>
- Pierce, W. & Lorber, M. A. (1967). *Objectives and Methods for Secondary Teaching*. Englewoods Cliffs: NJ. Prentice Hall.

- Rafidah, A.R. & Nadiah, I. (2015). Kaedah Hafazan Maahad Tahfiz di Malaysia, *eProceedings International Seminar on al-Quran in Contemporary Society*, 10 - 11 October 2015, Faculty of Islamic Contemporary Studies, UniSZA, 273-281.
- Rusli, A., Hasbee, U., Azman, I., Sopian, B. & Nur Naha, A.M. (2014), *Conducting Research in Social Sciences and Management Studies*. Kuching: RS Publishing House.
- Saadan, M. (t.th). *Fiqh Semasa: Konsep dan Aplikasinya*, Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Samin al-Halabi, Ahmad bin Yusuf (2016). *al-Durr al-Masun fi Umm al-Kitab al-Maknun*, Jilid 10, Damsyik: Maktabah Darul Qalam.
- Shafiza, S., Mohd. Yakub Zulkifli, H.M.Y. & Khadher, A. (2016). Sumbangan Datuk Hajjah Faridah binti Mat Seman dalam pengajaran golongan hafiz al-Quran, dlm. Mohd. Yakub Zulkifli Haji Mohd Yusoff Yusoff dan Nordin Ahmad, *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*. Kuala Kubu Bharu Selangor: Darul Quran JAKIM, dan Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research Universiti Malaya, 173-182.
- Sharifah Alwiyah, A. (1984). *Falsafah Pendidikan*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books.
- Siti Arni, B. (2004), Pembangunan Sumber Manusia Menurut Perspektif Islam, *Jurnal Usuluddin*. Bil. 19. 211-228.
- Siti Mursyidah, M.Z., Farhah Zaidar, M.R. & Mohd Hasbie al-Shiddieque, A. (2017). Kelebihan Kaedah Hafazan al-Quran Metode Nadi al-Baghdadi, *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD 2017)*. 178-184.
- Siti Suriyani, S. (2018). Kaedah Hafazan: Suatu Tinjauan Ringkas. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, Vol. 2 Issue 1, 44-59.
- Solahuddin, I. (2016). Institusi Tahfiz di Malaysia: Prospek dan Cabaran, dlm. Mohd. Yakub Zulkifli Haji Mohd Yusoff dan Nordin Ahmad, *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*. Kuala Kubu Bharu Selangor: Darul Quran JAKIM, dan Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research Universiti Malaya, 194-201.
- Yusri, C. & Muhammad Toriq, Y. (2016). *Kajian Tinjauan Terhadap Penjadualan Kelas Hafazan di Pusat Pengajian Tahfiz*. Kuala Kubu Baharu Selangor: Darul Quran JAKIM.